

**SINKRETISME AGAMA DALAM KALANGAN
MASYARAKAT DUSUN DI DAERAH
RANAU, SABAH**

SHAHARAN KAMIN



UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SASTERA**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2018**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

Judul : **SINKRETISME AGAMA DALAM KALANGAN MASYARAKAT DUSUN DI DAERAH RANAU, SABAH**

Ijazah : **IJAZAH SARJANA**

Saya **SHAHARAN KAMIN**, sesi pengajian **2011-2018**; mengaku membenarkan tesis Ijazah Sarjana ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Siala tanda (/).

☐

SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan malaysia seperti yang termaktub di salam AKTA RAHSIA 1972).

☐


TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi /badan dimana penyelidikan dijalankan).

☒

TIDAK TERHAD




Shaharan Bin Kamin



**NURULAIN BINTI ISMAIL,
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Tandatangan Pustakawan




Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Abd. Rahman)
Penyelia

Tarikh: 23 April 2017

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

08 April 2018



SHAHARAN KAMIN

PX20108210



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


NAMA : SHAHARAN KAMIN
NO MATRIK : PX20108210
TAJUK : SINKRETISME AGAMA DALAM KALANGAN
MASYARAKAT DUSUN DI DAERAH RANAU,
SABAH
IJAZAH : IJAZAH SARJANA SASTERA
(PENGAJIAN ISLAM)
VIVA DATE : 29 FEBRUARI 2016

DISAHKAN OLEH ;

1. Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan

Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Abd. Rahman

Tandatangan



.....

2. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Prof Madya Dr. Saini Ag. Damit

.....

Puan Earnie Elmie Hilmi

.....

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah menganugerahkan kekuatan tenaga, mental dan naluri kepada hambanya yang kerdil ini untuk terus bergelumbang dalam medan ilmu juga dengan izinNya, penulisan tesis ini telah selesai sebagaimana yang diharapkan. Selanjutnya sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diperuntukkan khas kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Abd. Rahman sebagai penyelia tesis ini. Beliau telah banyak meluangkan masa, memberikan bantuan, mengorbankan tenaga dan fikiran, serta memberikan petunjuk, nasihat, saranan, dan menyemak dalam upaya penyiapan dan kesempurnaan tesis ini. Begitu juga kepada penyelia kedua saya iaitu Dr. Saini Ag. Damit yang sudi menyelia tesis ini dengan teguran, bimbingan dan tunjuk ajar yang sangat bermakna bahkan telah menuntut iltizam yang tinggi dan mendisiplinkan saya sepanjang tempoh penulisan tesis ini berlangsung. Berikutnya, sekalung penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang telah memberikan segala kemudahan untuk kelancaran proses penulisan tesis ini. Berbagai kemudahan tersebut diperoleh daripada Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Perpustakaan, dan lain-lain pihak yang menyumbang sama ada secara langsung mahupun tidak langsung kepada penyempurnaan tesis ini, dengan harapan semoga Universiti ini tetap dikenang, atas segala jasanya yang amat mulia, iaitu memberikan peluang kepada setiap individu peluang untuk menuntut ilmu pengetahuan.

Tidak dilupakan ucapan penghargaan juga kepada pegawai di PPIB yang banyak membantu iaitu saudara Dakir, pegawai-pegawai di bahagian Pasca yang tidak dapat saya sebutkan nama mereka semua. Ucapan penghargaan juga wajar saya berikan kepada kakitangan Arkib Negeri Sabah (terutama yang bertugas di bahagian sumber), Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Penyelidikan Tuan Fuad Yayasan Sabah juga merangkap penaja sepanjang pengajian saya, perpustakaan mini Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah, Perpustakaan Institut Perguruan Kampus Kent dan semua Pensyarah yang sempat mendidik saya, Ustaz Shaifuddin Daud Yang sudi meluangkan masa dan berkongsi pengalaman dalam menjalankan penyelidikan dan Puan Midiana Dautis yang sudi memberikan salinan tesis beliau. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua penduduk kampung Tungou dan responden yang sudi meluangkan masa untuk ditemu ramah. Kepada kedua ibu bapa saya, En. Kamin Bin Killar dan Pn. Laineh Binti Ulom, semoga Allah S.W.T merahmati hidup anda atas doa yang mengiringi diri ini dalam memudahkan segala urusan dan adik-beradik saya, terima kasih atas segalanya. Akhirnya dirakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang membantu serta terlibat dalam penulisan tesis ini, semoga mendapat ganjaran dan reda Allah. Terutamanya pengorbanan lahir dan batin berserta doa yang tulus dari semua sahabat, yang sentiasa menyertai penyelesaian tesis ini. Semoga tesis ini bermanfaat bagi dunia akademik, serta kehidupan masyarakat. Atas segala kekurangan, keterbatasan, serta kealpaan dipohon kemaafan. Wassalam.

Shaharan Kamin

8 April 2018

ABSTRAK

Penyelidikan ini berusaha untuk memahami fenomena sinkretisme dalam adat dan kepercayaan tradisi dalam kalangan masyarakat Dusun di kampung Tungou, Randagong dan Mumpait di daerah Ranau Sabah dari perspektif agama dan budaya serta faktor-faktor yang mempengaruhinya. Penyelidikan ini akan bertumpu kepada hubung kait antara unsur-unsur keagamaan daripada tradisi Islam dan animism/dinamisme yang terpaksa membuat penyesuaian antara satu sama lain apabila berlaku pertembungan kedua-dua tradisi kebudayaan tersebut. Data kajian ini diperoleh dari berbagai-bagai sumber, antaranya perpustakaan yang berupa pelbagai tulisan sama ada makalah mahupun hasil penyelidikan terdahulu. Hasil temuan perpustakaan dikukuhkan dengan hasil dari pemerhatian lapangan dan temu bual dengan tokoh adat dan agama dalam masyarakat Dusun. Pada dasarnya sinkretisme tidak dibenarkan dalam Islam, namun dalam konteks adat tradisi masyarakat, ia merupakan proses semula jadi yang tidak dapat dielakkan pada peringkat awal memeluk Islam. Sebelum agama Islam diperkenalkan, masyarakat Dusun mengamalkan sistem kepercayaan yang bersifat animistik dalam erti kata bahawa mereka percaya kepada makhluk-makhluk halus dan semangat. Dapatan kualitatif menunjukkan masyarakat yang dikaji iaitu masyarakat Dusun telah berusaha memurnikan atau menyesuaikan adat dan kepercayaan yang mereka warisi secara turun-temurun dengan ajaran Islam. Walaupun masyarakat Dusun mengidentifikasikan diri mereka sebagai orang Islam tetapi pada masa yang sama, mereka tidak mengetepikan unsur-unsur kepercayaan peribumi seperti kepercayaan kepada '*Kinorohingar*', '*Bambarayor*', dan pantang larang adat. Malah mereka masih mempraktikkan ritus-ritus yang diwarisi dari agama peribumi. Walau bagaimanapun, hal ini tidak menjejaskan akidah dan identiti masyarakat Dusun sebagai Muslim. Ini kerana falsafah agama Islam telah memodifikasikan unsur-unsur tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Dusun melalui proses interpretasi semula sehingga unsur-unsur peribumi itu dapat disesuaikan dengan unsur-unsur agama Islam. Oleh itu, hasil daripada proses interpretasi antara tradisi Islam dan animisme/dinamisme serta kegiatan dakwah, dapat diyakini bahawa masyarakat Dusun sebenarnya adalah penganut agama Islam. Dengan kata lain, agama Islam merupakan agama yang dominan dalam situasi sinkretisme keagamaan dalam kalangan masyarakat Dusun.

ABSTRACT

RELIGION SYNCRETISM AMONG THE DUSUN IN RANAU, SABAH

This research attempts to understand the phenomenon of syncretism in the cultural beliefs of the Dusuns in kampung Tungou, Randagong and Mumpait Ranau, Sabah from a religious and cultural perspective, as well as the factors that influence it. This study focus on the inter-relation between the religious elements of the Islam and animist/dinamisme traditions, that have to adapt themselves respectively, when they meet together. The data concerned with the topic has been gathered using the various sources, that is library and also field research. Library findings are supported by the data gathered from field research and also the interviews with local and religious figures of Dusuns society. Basically, syncretism is not permitted in Islam, but in the context of local culture, it can be considered as a natural process that can not be avoided especially during the early stages of Islam. Before Islam was introduced, the Dusuns were animistic in the sense that they believed in spirit and supernatural beings. Qualitative findings show that the Dusun people have attempted to suit their local culture with the teachings of Islam. Although they identify themselves as Muslims, yet they still belive and practice the indigenous belifes which are inherited from animism such as 'Kinorohingan', 'Bambarayon', the 'adat' laws and the indigenous rituals. However, these do not affect the Dusuns as a Muslims followers due to the fact that Muslims philosophy has modified the indigenous element through the process of reinterpretation, so that the indigenous elements can be adaptable to these Muslims element. As a result of the process of the interpretation between the Muslim and animistic/dinamisme elements and also the activities of the Muslim organizations, the Dusuns are by nature Muslims. In other words, Islam Is the dominant religion in the context of religious syncretism among the Dusuns.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii-x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI FOTO	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pendekatan dan Metode dalam Kajian Sinkretisme	2
1.3 Definisi dan Konsep Sinkretisme	7
1.4 Latar Belakang Kajian	27
1.5 Pernyataan Masalah	29
1.6 Persoalan Kajian	31
1.7 Objektif Kajian	32
1.8 Metodologi Kajian	33
1.9 Limitasi Kajian	42
1.10 Sorotan Literatur	43
1.11 Signifikan Kajian	49

1.12	Organisasi Kajian	50
1.13	Kesimpulan	52

BAB 2 : MASYARAKAT DUSUN SEBELUM ISLAM

2.1	Pengenalan	53
2.2	Sejarah Masyarakat Dusun	55
2.3	Organisasi Sosial	60
2.4	Kegiatan Ekonomi	66
2.5	Pandang Dunia	68
2.6	Kitaran Hidup	71
	2.6.1 Upacara Menyambut Kelahiran	72
	2.6.2 Adat Perkahwinan	74
	2.6.3 Adat Kematian	75
2.7	Perubatan Tradisional	77
2.8	Pantang Larang	79
2.9	Kesimpulan	81

BAB 3 : MASYARAKAT DUSUN SELEPAS ISLAM

3.1	Pengenalan	84
3.2	Sejarah Kedatangan Islam Di Sabah	91
	3.2.1 Agama Kristian Sebelum Kedatangan Agama Islam	96
	3.2.2 Sejarah Pengislaman Masyarakat Dusun	100
	3.2.3 Agama Islam Di Zaman Penjajah	101
	3.2.4 Pra Islamisasi Di Daerah Ranau	102
	3.2.5 Kedatangan Islam Di Ranau	109
3.3	Organisasi Sosial	113
3.4	Institusi Pendidikan dan Sekolah-Sekolah Agama	118
3.5	Kegiatan Ekonomi dan Kemasyarakatan	121
3.6	Pandang Dunia dan Perubahan Sosial	124
	3.6.1 Kefahaman Terhadap Islam	127
	3.6.2 Interaksi Agama Masyarakat Islam Di Ranau	128

3.6.3	Penerapan Islam Dalam Kehidupan	129
3.7	Upacara Menyambut Kelahiran dan Adat Kematian	131
3.8	Adat Perkahwinan	133
3.9	Islamisasi Adat	136
3.10	Islamisasi Sosial	137
3.11	Islamisasi Nilai Dan Norma	139
3.12	Pantang Larang	141
3.13	Kesimpulan	143

BAB 4 : SINKRETISME PADA AMALAN, BUDAYA, ADAT DAN KEPERCAYAAN

4.1	Pengenalan	149
4.2	Sinkretisme Agama Dalam Kalangan Masyarakat Dusun	152
4.2.1	Sinkretisme Agama Dalam Sejarah Kehidupan Dunia	162
4.2.2	Latar Belakang Munculnya Sinkretisme Dalam Masyarakat Dusun	166
4.2.3	Sinkretisme dan Konversi Agama Masyarakat Dusun	172
4.2.4	Bentuk-Bentuk Konversi Agama Dalam Masyarakat Dusun	174
4.2.5	Sinkretisme dan Pengekalan Adat-Adat Pribumi	176
4.2.6	Peranan Institusi Pentadbiran Peribumi	177
4.3	Bentuk-bentuk Sinkretisme Dalam Masyarakat Dusun	180
4.3.1	Sinkretisme Keyakinan Tahap Teologi	181
4.3.2	Sinkretisme Keyakinan Tahaf Kosmologi	185
4.3.3	Sinkretisme Keyakinan Tahaf Eskatologi	186
4.4	Pandang Dunia	188
4.4.1	Perspektif Animis dan Ontologi Dalam Masyarakat Dusun	190
4.5	Tradisi Sosial dan Perayaan Masyarakat Dusun	213
4.5.1	Tradisi Perayaan	215
4.5.2	Kesenian Masyarakat Dusun	218
4.5.3	Seni Nyanyian Dalam Masyarakat Dusun	218

4.5.4	Alat-alat Muzik Masyarakat Dusun	221
4.6	Kitaran Hidup	226
4.7	Upacara Menyambut Kelahiran Dan Adat Kematian	228
4.8	Adat Perkahwinan	232
4.9	Perubatan Tradisional	234
4.10	Pantang Larang	243
4.10.1	Undang-undang, Hukuman dan <i>Sogit</i>	245
4.11	Kesimpulan	249

BAB 5 : PENUTUP DAN SARANAN

5.1	Pengenalan	253
5.2	Saranan dan Cadangan	265

BIBLOGRAFI	268
-------------------	-----

LAMPIRAN	298
-----------------	-----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1 :	Ilustrasi Proses Sinkretisme antara Islam dan Budaya/ Adat Tradisi Masyarakat	20
Rajah 1.2 :	Kedudukan daerah Ranau dalam Negeri Sabah	28



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

Halaman

Foto 3.1 :	Upacara solat hari raya yang diadakan di dewan serbaguna Marandawi oleh masyarakat Kg Tungou	130
Foto 3.2 :	Salah seorang Molohingon sedang melaksanakan upacara mencukur jambul secara tradisional oleh salah seorang penduduk di Kg. Tungou	131
Foto 3.3 :	Pengkaji sedang menyertai salah satu upacara mencukur jambul di Kg. Tungou	132
Foto 3.4 :	Upacara pengkebumian oleh Masyarakat Dusun	133
Foto 3.5 :	Majlis Perkahwinan bertemakan pakaian tradisi Masyarakat Dusun yang diberi nama <i>Sinombiaka</i> . Selendang kuning yang dipakai oleh pengantin disebut sebagai <i>Linumbangai</i>	135
Foto 4.1 :	Salah satu mercu tanda KDCA (Kadazan Dusun Cultural Asosiasi)	214
Foto 4.2 :	Hongkod Koisaan Atau Kadazan Dusun Cultural Asocia (KDCA) merupakan lokasi perayaan Pesta Menuai (Tadau Kaamatan) yang diadakan pada 30 dan 31 Mei setiap tahun	215
Foto 4.3 :	Gong Merupakan Alat Muzik Tradisional yang Terkenal Dalam Masyarakat Dusun	222
Foto 4.4 :	Salah seorang Molohingon di Mukim Randagong yang terkenal iaitu En. Wahali bin Bendiling yang masih mengamalkan ilmu kebatinan daripada Mandur Sarip.	236
Foto 4.5 :	Tingelig yang diletakkan di atas pintu sebagai pagar rumah yang dapat dilihat dalam kebanyakan rumah masyarakat Dusun.	240

SENARAI SINGKATAN

ABIM	-	Angkatan Belia Islam Malaysia
AKBIS	-	Angkatan Belia Islam Sabah
BERJAYA	-	Parti Bersatu Jelata Sabah
JHEAINS	-	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
PERPIS	-	Persatuan Pelajar-Pelajar Islam Sabah
SBBU	-	Syarikat Berpiagam Borneo Utara
SDA	-	Seventh-Day Adventist
SIB	-	Sidang Injil Borneo
SIL	-	Summer Institute of Linguistics
UNKO	-	United National Kadazan Organization
UPKO	-	United Party Kadazan Organization (persatuan Parti Kadazan Bersatu)
USIA	-	United Sabah Islamic Association
USNO	-	Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (United Sabah National Organisation)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

Halaman

LAMPIRAN A

297



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Agama adalah sebuah koleksi yang tersusun dari kepercayaan, sistem budaya, dan pandangan dunia yang menghubungkan manusia dengan peraturan dan perintah dari kehidupan. Banyak agama memiliki narasi, simbol, dan sejarah suci yang dimaksudkan untuk menjelaskan makna hidup atau menjelaskan asal usul kehidupan mereka atau alam semesta. Dari keyakinan mereka tentang kosmos dan sifat manusia, orang memperoleh moral, etika, hukum agama atau gaya hidup yang disukai. Etimologi kata agama membawa kita kepada Bahasa Sanskrit. Akar katanya adalah gam yang bermaksud pergi. Setelah mendapat awalan 'a' dan akhiran 'a', pengertiannya menjadi jalan (Sidi Gazalba, 1976: 32-33). Kajian terhadap kepercayaan sesuatu bangsa atau etnik merujuk kepada suatu kajian terhadap 'kosmologi' iaitu kajian yang meneliti bagaimana sesuatu kelompok manusia itu memandang alam natural dan alam supernatural, serta komunitinya dan juga diri mereka sendiri (Abdul Rahman Abdullah 1999: 1).

Kepercayaan seringkali ditafsir sebagai satu keupayaan manusia untuk mendapatkan ketenangan batin dari pelbagai ancaman yang tidak mampu dijelaskan oleh akal logik manusia. Sumber kepercayaan berasal dari ketidakmampuan manusia menjelaskan fenomena alam yang berdasarkan hukum causality (sebab dan akibat) (Hasyimisyah Nasution 2003: 263). Dengan kata lain, kepercayaan ialah sesuatu yang dianggap benar oleh seseorang individu ataupun masyarakatnya. Kajian kosmologi asli (indigenous) sesuatu bangsa lazimnya berkisar daripada kisah-kisah yang diistilahkan sebagai mitos dan lagenda yang berasaskan tradisi lisan (oral tradition) (Abdul Rahman Abdullah 1999: 11). Berdasarkan sejarah, tidak ada satu pun kebudayaan besar di dunia yang tidak didominasi dan diliputi oleh unsur-unsur mitos seperti yang terdapat dalam tamadun Babilon, Mesir, Cina, India, Yunani dan tamadun lain. Menurut Ernest Cassier, mitos adalah pengalaman sosial manusia dan

bukan pengalaman individu. Tentang persoalan apakah mitos mengandung kebenaran, sebagaimana dinukilkan oleh bahawa mitos tidak mungkin dapat dipisahkan dari nilai sosial dan nilai kebudayaan.

Agama Islam pula adalah agama yang syumul dalam setiap aspek kehidupan, yang umumnya dapat difahami sebagai tunduk dan patuh serta menyerah diri (mentauhidkan) dengan sepenuh hati kepada Allah S.W.T iaitu melakukan segala perintah dan menjauhi larangannya, sesuai dengan firman Allah S.W.T yang bermaksud: "Maka apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, padahal kepadaNya lah menyerahkan diri segala apa yang di langit dan di bumi, baik dengan suka mahupun terpaksa dan hanya kepada Allah lah mereka dikembalikan". (al-Qur'an, Ali 'Imran, 3: 83). Jelaslah bahawa tunduk, patuh dan reda merupakan tiga elemen penting yang perlu dihayati oleh seorang Muslim agar nilai-nilai akidah Islam mampu diterjemahkan dalam kehidupan mereka. Pemahaman terhadap akidah Islam merupakan satu tugas besar yang perlu dipikul oleh setiap individu yang menggelarkan diri mereka sebagai Muslim. Memahami sesuatu akidah itu memerlukan kepada penghayatan dan pembelajaran yang khusus dan mendalam agar asas-asas di dalam agama tersebut dapat diamalkan dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

1. 2 Pendekatan dan Metode dalam Kajian Sinkretisme

Kajian sinkretisme yang dibuat oleh pengkaji pada dasarnya bersifat teoritikal dan empirikal. Pendekatan teoritikal digunakan dalam kajian sinkretisme bagi menjelaskan perkembangan agama yang berlaku dalam sejarah agama. Manakala pendekatan empirikal digunakan bagi melihat proses sinkretisme yang berlaku lazimnya pada zaman sekarang. Dengan itu, kajian sinkretisme menjadi kaya dalam aspek teoritikal dengan pelbagai definisi, konsep dan model sebagaimana yang akan dibincangkan. Dalam masa yang sama, kajian sinkretisme turut kaya dalam aspek empirikal dengan pelbagai data berkenaan fenomena sinkretisme dalam masyarakat di seluruh dunia. Dalam erti kata yang lain, pendekatan dominan dalam kajian sinkretisme adalah kualitatif yang banyak menggunakan metode atau kaedah historiografi dan etnografi dalam proses pengumpulan data. Historiografi digunakan bagi mengkaji fenomena sinkretisme pada zaman dahulu, manakala etnografi

digunakan bagi mengkaji fenomena sinkretisme yang ada dalam masyarakat hari ini. Fenomena sinkretisme dalam masyarakat juga telah dikaji meliputi pelbagai zaman dan tempat seperti di zaman Barat kuno, Barat Modern, negara-negara Afrika, Asia dan Nusantara (Gustavo Enavides, 2004: 194). Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian sinkretisme yang menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Dengan itu, pendekatan kuantitatif juga tidak asing dalam mengkaji fenomena sinkretisme (Anita Leopold, 2004: 377).

Fenomena sinkretisme seterusnya dianalisis dari beberapa sudut khususnya bagi mengenal pasti faktor penyebabnya. Dalam hal ini, Anita Leopold telah menyenaraikan beberapa pendekatan dan metode analisis yang digunakan iaitu pertamanya, peringkat sosial yang berkaitan dengan fenomena agama yang merupakan akibat atau kesan daripada kekuasaan. Keduanya, peringkat semiotik yang berkaitan dengan perubahan dan inovasi dalam makna sesuatu perkara dalam sesebuah agama yang dirujuk sebagai dinamika agama. Ketiganya, peringkat kognitif yang menjelaskan pergerakan agama dan inovasi adalah berdasarkan minda manusia. Dalam erti kata yang lain, beberapa persoalan boleh diutarakan sama ada fenomena sinkretisme berlaku di peringkat psikologi atau kognitif individu, di peringkat budaya atau simbolisme, atau di peringkat sosial dan politik yang melibatkan kuasa serta kawalan dalam interaksi. Ringkasnya, adakah sinkretisme terbentuk dari kognitif, budaya atau politik. Ahli sejarah Petra Pakkanen antara yang menggunakan pendekatan sejarah genetik untuk menjelaskan penyebaran dan percampuran agama.

Walaupun bagaimanapun, beliau telah menimbulkan persoalan tentang kegunaan kategori sinkretisme sebagai menjelaskan fenomena sinkretisme, yang disebutnya sebagai tidak menerangkan apa-apa. Pakkanen mencadangkan sebaliknya, iaitu sinkretisme sebagai alat heuristik untuk menemui latar belakang tersembunyi tentang fakta sejarah lalu mentafsirkannya. Beliau berhasrat mengaitkan kategori sinkretisme secara langsung dengan kajian di peringkat deskriptif, supaya ia boleh membantu menerangkan proses agama yang telah berlaku. Walau bagaimanapun, Anita pula berpandangan bahawa tidak banyak kepentingan untuk mengekalkan

kategori sinkretisme jika penggunaannya hanya untuk menerangkan proses sejarah yang sudah jelas dalam data sejarah. Baginya, manfaat kategori sinkretisme haruslah sebagaimana berikut, pertama berfungsi sebagai alat heuristik untuk menunjukkan dan menjelaskan fenomena, dan kedua, untuk memberitahu mengapa dan bagaimana ia terjadi. Andre Droogers pula mengatakan fenomena sinkretisme merujuk kepada pencapaian sesebuah kuasa dominan dalam hal-hal yang tertentu. Pandangan serta pendekatan sosio-potilik yang digunakannya sejajar dengan pandangan sarjana seperti Bastide, Apter, Stewart, Benavides dan Geertz (Anita Leopold, 2004: 377).

Michael Pye (1971), mengatakan bahawa maksud sinkretisme menggambarkan pelbagai identiti yang boleh membawa kepada pelbagai arah. Ini menunjukkan sinkretisme merupakan fenomena semiotik. Oleh itu, fenomena sinkretisme turut dikaji berdasarkan semiotik dalam konteks sesebuah agama dan budaya. Walau bagaimanapun, sinkretisme turut dilihat sebagai fenomena kognitif dan tidak dinafikan pembentukan sinkretisme dari konteks budaya, namun ia adalah proses yang dilakukan oleh minda manusia. Minda manusia yang memilih, menggabungkan serta membuat penyesuaian agama dan budaya luar ke dalam agama dan budaya mereka.

Dalam bidang agama dan teologi pula, bermula dengan Adolf von Harnack, seterusnya Barth, Kraemer, dan lain-lain menganggap sinkretisme adalah suatu praktik yang terpesong daripada kepercayaan Kristian, yakni dipesongkan oleh budaya dan agama di sesebuah kawasan itu sebelum kedatangan Kristian. Kreamer misalnya, menjelaskan terma sinkretisme selalunya menggambarkan percampuran elemen agama yang tidak sah. Punca sikap negatif ini bermula dengan sejarah Kristian yang berhadapan dengan pelbagai bentuk agama di kawasan Mediterranean. Tidak dapat dinafikan, Kristianiti telah menyerap sama ada dalam bentuk atau isi daripada persekitarannya. Tuntutan teologi Kristian yang unik dalam kalangan agama besar dunia melanjutkan pandangan negatif terhadap sinkretisme. Oleh sebab itulah, secara teori dan deskriptif, percampuran agama dan budaya pada akhir zaman moden dirujuk kepada terma hybridization, creolization dan jarang-jarang sebagai sinkretisme. Namun begitu, dalam kajian-kajian tahun 1990an, sarjana teologi dan

agama berusaha menukar haluan dan membuat acuan baru terhadap konsep ini. Sinkretisme kembali menjadi subjek untuk dibincangkan. Fokus perbincangan dahulu adalah kesannya terhadap teologi, tetapi kini ia difokuskan kepada proses inculturation bagi mengembangkan peranan Gospel pada masa dan tempat tertentu. Perbincangan dalam topik ini telah memasuki peringkat yang baru. Sarjana kontemporari Barat mendapati terma sinkretisme telah digunakan secara negatif dengan meluas dalam teologi Kristian, lalu mencadangkan beberapa perubahan. Antara usaha yang dilakukan adalah pendekatan yang meluas di Amerika yang mengambil konsep penggunaan sinkretisme daripada pandangan sains sosial dan menggunakannya bagi memfokus semula perbincangan dalam teologi Kristian.

Walau bagaimanapun, kebanyakan penulis mendapati konsep sinkretisme dahulu dibincangkan dalam abad ini dengan berhati-hati tetapi tidak terarah. Mereka mengekalkan maksud tradisional sinkretisme, namun mereka mengatakan pembentukan kebudayaan tidak terpengaruh oleh pertimbangan teologi. Akibatnya, perbincangan sinkretisme tidak berkembang, proses sinkretisme kabur dan berkembang tanpa dialog dengan tradisi Kristian. Atas sebab inilah, sebahagian sarjana termasuklah J. Peter Schineller mencadangkan agar membuang terma sinkretisme, sebaliknya menggunakan terma inculturation (P.Schineller, 1992: 53)

Robert J. Schreiter tidak bersetuju dengan cadangan J. Peter Schineller untuk meninggalkan terma sinkretisme kerana membawa maksud yang sangat negatif. Sebaliknya beliau mencadangkan terus menggunakan terma sinkretisme dengan definisi baru berdasarkan tiga faktor utama iaitu; Pertama, sebahagian misionari yang bersetuju membuang perkataan ini tidak boleh menjamin perkataan tersebut terkeluar daripada perbendaharaan kata. Perkataan tersebut telah menjadi satu-satunya milik misionari konservatif seterusnya menghasilkan dua perkara negatif iaitu ia akan mencegah perbincangan meluas tentang inculturation dan menjadi halangan kepada misionari memahami proses kebudayaan dalam menyebarkan ajaran Gospel. Kedua, menggantikan perkataan sinkretisme dengan inculturation atau lain-lain akan menghilangkan rangkaian sinkretisme iaitu hubungan antara perkembangan teologi dan proses kebudayaan. Meninggalkannya akan menyebabkan kenaifan dalam memahami peranan budaya dan pembentukan identiti budaya, serta naif dalam

memahami bagaimana Gospel disampaikan dari generasi ke generasi dan dari budaya ke budaya. Ketiga, era globalisasi menuntut perubahan dalam Kristianiti. Dalam zaman gereja sedunia (world church) sebagaimana yang pernah disebut oleh Karl Rahner ini, interaksi antara teologi dan budaya tidak dapat dielakkan. Oleh itu, Schreiter menegaskan bahawa sinkretisme merupakan konsep yang bernilai kerana konsep ini boleh menjelaskan proses bagaimana masyarakat Kristian menempa identiti mereka daripada konteks teologi dan perubahan budaya (P.Schineller, 1992: 53).

Secara umumnya, pendekatan dan metode analisis dalam kajian sinkretisme tidak dapat lari daripada dua aliran yang dibincangkan sebelum ini iaitu normatif dan deskriptif. Aliran deskriptif tertumpu kepada pengenalanpastian faktor penyebab kepada sinkretisme sama ada kognitif, budaya atau politik. Manakala, aliran normatif tertumpu kepada penilaian elemen sinkretisme tersebut dan usaha untuk mengesahkan sinkretisme (inculturation) untuk tujuan misionari Kristian.

Dalam penyelidikan ini, kajian akan ditumpukan kepada beberapa perkara yang menjadi konvensi kepada kehidupan masyarakat Dusun di daerah Ranau. Dengan menumpukan kepada objek animisme/dinamisme dan asosiasinya dengan agama Islam dalam konteks masyarakat Dusun, maka kajian utama yang menjadi asas kepada penyelidikan ini adalah meneliti sejauh mana konsekuensi sinkretisme yang berlaku dalam kehidupan beragama masyarakat Dusun. Terminologi umum mengenai sinkretisme dapat difahami sebagai suatu usaha bagi menyelaraskan kepercayaan-kepercayaan berbeza atau bertentangan. Dengan mengartikulasi istilah ini kepada suatu percubaan untuk menggabungkan dan membuat analogi beberapa tradisi yang pada asalnya berbeza, terutama dari segi teologi dan mitos keagamaan dan dengan itu menegaskan satu perpaduan asas yang membenarkan satu pendekatan yang menyeluruh dengan kepercayaan-kepercayaan lain (Sutiyono, 2010).

Sekadar memberikan ilustrasi, kajian ini akan cuba menjelaskan bentuk-bentuk pengamalan masyarakat Dusun sebagai titik awal dalam mengembangkan segala bentuk aturan yang menyangkut pranata sosial dan hubung kaitnya terhadap sinkretisme serta hipotesis terhadap situasi yang terjadi pada masyarakat Dusun,

selain melihat dengan jelas dari perspektif deskripsinya tentang institusi-institusi agama mahupun budaya hasil daripada pemerhatian dan maklumat yang diperoleh. Untuk memperkuat argumen di atas, kajian ini seterusnya akan menyentuh tentang sejarah ringkas masyarakat Dusun dan bagaimana masyarakat Dusun Muslim mengkomodasi budaya tempatan yang kemudiannya dijadikan sebahagian dari doktrin keagamaan di daerah Ranau. Adapun hal sebenarnya yang terjadi, bahawa masyarakat Dusun sebahagiannya belum memahami ajaran Islam yang sebenarnya. Di samping itu, masyarakat Dusun amat peka terhadap fenomena alam dan pengaruh dalam kepercayaan yang berkemungkinan kesan daripada kecuaiian dalam melakukan interpretasi dan verifikasi terhadap aktiviti langsung dakwah Islamiah yang sampai ke daerah Ranau. Walau bagaimanapun, usaha islamisasi ini, secara tidak langsung telah membawa dimensi baru dalam kehidupan dan kepercayaan masyarakat Dusun daripada kepercayaan animisme yang berunsurkan adat resam dan budaya pribumi kepada lembaran baru Agama Islam.

1.3 Definisi dan Konsep Sinkretisme

Sejarah sinkretisme pada dasarnya telah ada sejak dahulu dan pertama kali digunakan oleh pelbagai kelompok teologi untuk melihat sejumlah kaedah dan metode dalam memahami suatu pola keagamaan. Ketika ini, pengertian sinkretisme mengalami perluasan dari pelbagai peristilahan dalam bidang teologi dan mencakup dalam pelbagai disiplin ilmu humaniora seperti sejarah, sosiologi, antropologi, estetika dan folklore (cerita rakyat). Istilah ini secara etimologi berasal dari perkataan Inggeris Syncretism yang terhasil dari bahasa Latin moden Syncretismus, dan diambil dari bahasa Greek Synkretismos yang bermaksud penyelarasan atau penyatuan aliran.

Sinkretisme agama tidak banyak yang diperkatakan di Malaysia khususnya di Sabah sebagaimana di tempat lain seperti di Indonesia walaupun gejala ini memberi impak yang kurang baik dalam kehidupan beragama. Sinkretisme adalah istilah teknikal dalam pengajian agama yang menerangkan gabungan satu angka mitos dengan yang lain dari tradisi yang berbeza. Sinkretisme telah diamalkan sejak zaman dahulu lagi hingga ke zaman moden. Semasa pemerintahan Ptolemy ke atas Mesir misalnya, banyak dewa-dewa sinkretik telah diwujudkan, seperti dewa Hermanubis,

iaitu gabungan Hermes Yunani dan Anubis Mesir. Kemudian, dalam tempoh pemerintahan misteri Graeco-Rom, sinkretisme menjadi perkara biasa. Dalam tradisi misteri, upacara-upacara yang sering dipaparkan dalam solat yang menyatakan bahawa dewa tertentu mempunyai banyak nama-nama lain, lalu disenaraikan nama-nama tersebut. Sinkretisme adalah akibat yang tidak dapat dielakkan secara global dan ia tidak menghairankan bahawa sinkretisme telah menjadi sebahagian perkara biasa dalam agama di setiap kepercayaan masyarakat pelbagai budaya hari ini (Peter Kingsley, 1995). Para sarjana yang membuat kajian mengenainya memberikan pelbagai definisi yang berbeza tentang sinkretisme, antaranya:

"Syncretism; The attempt to combine different or opposite doctrines and practices. Especially in reference to philosophical and religious system. The term came into prominence in the 17th century, when it was applied to the teaching of G. Calixtus, who undertook to unite the Reformation Churches in Germany with each other and with the Catholic Church on the basis of the Apostles creed and the doctrine of the first centuries. It is also frequently applied to the unifying cultural forces in the Mediterranean civilization of the Hellenistic and Roman periods, and in the history of religion to any fusion of various beliefs and practices. e.g to some tendencies in pre-Christian Judaism. In the RC theology of grace the term is used of attempts to combine Thomist and Molinist teaching" (Cross, F.L, 1997).

or

"Syncretism; from the Greek " Synkretizein " (to combine). A term introduced by Plutarch to characterize the harmonizing efforts of the Neoplatonists. The term refers to the blending of philosophical doctrines from opposing schools, or religious doctrines from different faith, in an effort to gain a unified point of view. In philosophy the term is usually pejorative, and the mixture of doctrines undistinguished, the common opinion being that superficially is bound to result of syncretism" (Resse, W.L., 1980).

Istilah sinkretisme pertama kali digunakan dalam era falsafah Greek kuno oleh ahli sejarah Greek, Plutarch (sekitar 46 atau 47 Masihi hingga 120 Masihi). Dalam bab "Pada Cinta Persaudaraan" dalam bukunya *Moralia*, Plutarch menggunakan istilah ini untuk menggambarkan "bagaimana bangsa Cretan bertindak" iaitu

menghentikan permusuhan sesama mereka dan bersatu untuk menghadapi musuh yang sama. Senario ini menggambarkan bahawa biarpun manusia berselisih faham sesama saudara atau sahabat, namun mereka lebih suka bekerjasama antara satu sama lain dalam menghadapi bahaya yang sama daripada menjalin hubungan baik dengan musuh, yang mana ia telah menjadi prinsip dan amalan kebiasaan di Cretan (Rosalind Shaw dan Charles Stewart, 1994: 3) . Terma sinkretisme pertama kali dibawa ke dalam arus akademik pada tahun 1836 oleh sejarawan Jerman iaitu J.G. Droysen dalam bukunya *Geschichte des Hellenismus*. Ia menjadi sebahagian daripada sejarah agama dan perbahasan teologi pada akhir abad ke-19 (Siv Ellen Kraft, 2002: 143).

Istilah sinkretisme secara etimologi berasal dari perkataan Inggeris Syncretism yang terhasil dari bahasa Latin moden Syncretismus, dan diambil dari bahasa Greek Synkretismos yang bermaksud penyelarasan atau penyatuan aliran. Sinkretisme juga tercantum dari kata dasar syin dan kretiozein , yang bererti mencampurkan elemen-elemen yang saling bertentangan. Adapun pengertiannya adalah suatu gerakan di bidang falsafah dan teologi untuk menghadirkan sikap toleransi pada perkara yang agak berbeza dan bertentangan. Secara terminologi pula, para sarjana berbeza pendapat dalam memberikan maksudnya. Sinkretisme (Syncretism) secara umumnya merupakan usaha bagi menyelaraskan kepercayaan-kepercayaan berbeza atau bertentangan, biasanya terjadi apabila berlaku penggabungan amalan-amalan dan pelbagai cara pemikiran. Istilah ini mungkin merujuk kepada percubaan untuk menggabungkan dan membuat analogi beberapa tradisi yang pada asalnya berbeza, terutama dari segi teologi dan mitos keagamaan, dan dengan itu menegaskan satu perpaduan asas yang membenarkan satu pendekatan yang menyeluruh dengan kepercayaan-kepercayaan lain.

Dari sudut terminologinya pula para sarjana berbeza pendapat dalam memberikan maksudnya. P.Soedarno (1992: 49), misalnya mentakrifkan kepercayaan yang bersifat sinkretisme dengan maksud campuraduk antara kepercayaan animisme-dinamisme, agama Hindu, Buddha dan Islam. Sinkretisme juga merujuk kepada suatu penerapan prinsip dan amalan yang datang dari luar ke dalam amalan keagamaan, meskipun ia bertentangan dengan agama itu sendiri. Ia juga boleh